

PEMBENTUKAN MODUS OPERANDI BAGI MENANGANI MASALAH
BUDAYA SAMSENG DAN SALAH LAKU SOSIAL DI SEKOLAH: TIGA
SEKOLAH SAMPEL DI DALAM DAERAH BATU PAHAT

AEDE HATIB BIN MUSTA'AMAL @ JAMAL

AHMAD KAMAL BIN MOHD ARISH

Kajian kes ini dikemukakan sebagai
memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan

Jabatan Pendidikan dan Kemanusiaan
INSTITUT TEKNOLOGI TUN HUSSIEN ONN



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNJUNGU TUN AMINAH

*Untuk Mak yang bersengkang mata
Untuk Abah yang berubah
Untuk Long yang tabah menderita
Untuk Angah semoga bertaqwa
Untuk Adik-adik semoga berjaya
Untuk umat manusia semoga bahagia.. dan
Untuk ALLAH sebagai seorang hambaNya...*

- Ahmad Kamal Bin Mohd Arish -

Buat

Abah, Emak, Adik-adik, Zana dan kaum keluarga yang disayangi.

Siapalah diri ini tanpa sokongan dan pengertian dari semua. Seuntai ungkapan penghargaan dari Ku buat semua.

Aede Hatib Bin Musta'amal

PENGHARGAAN



Bersyukur kehadiran Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad (S.A.W), seluruh keluarganya dan para-para sahabat r.a.

Kami ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan *jazakallahu khairan kathira* dan penghargaan setulus ikhlas kepada penyelia kami, Dr. Zulkifli Bin Mohamed. Bimbingan dan tunjuk ajar beliau memungkinkan kami menyiapkan kajian kes ini. Kami juga memohon maaf atas segala kecelaruan dan kesulitan disebabkan kami yang sering tewas kepada hambatan waktu.

Penghargaan ini juga kami tujukan kepada semua responden, guru-guru serta pegawai di Jabatan Pendidikan yang turut membantu sehingga selesainya kajian kes ini. Tidak lupa juga kepada mereka yang terdekat dengan kami yang memberi dokongan, semangat dan bersabar atas segala kerenah kami. Akhir sekali sekalung penghargaan kami tuliskan buat warga Jabatan Pendidikan dan Kemanusiaan yang menjadi guru kami, juga warga ITTHO yang sudi menerima kami. Semoga kita semua diberkati Allah, *jazakumullahu khairan kathira, wassalam wa ila liqa'*

Hanya Allah sahaja yang dapat membalas jasa baik yang kalian berikan.

ABSTRAK

Peningkatan kes salah laku di sekolah pada akhir-akhir ini menggemparkan banyak pihak. Kes-kes yang berlaku bukan sahaja melibatkan permasalahan pelanggaran peraturan-peraturan sekolah sahaja, malahan ia telah menunjukkan kewujudan budaya samseng di sekolah. Dalam kajian ini permasalahan budaya samseng dan salah laku sekolah disoroti secara meninjau aspek-aspek punca permasalahan, faktor-faktor penyumbang dan penghayatan pihak sekolah terhadap perlaksanaan peraturan sekolah yang diperuntukkan. Dalam kajian ini penelitian rekod tindakan tatatertib atau hukuman salah laku pelajar di sekolah dilakukan. Soal selidik digunakan untuk meninjau persepsi pelajar terhadap keberkesanan mekanisme kawalan sosial sedia ada. Hasil kajian menunjukkan bahawa wujudnya kepincangan dalam pelaksanaan mekanisme kawalan sosial di sekolah dari aspek perekodan dan kejelasan klasifikasi dimensi salah laku sosial di kalangan pelajar.

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ISI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI CARTA	xvii
I.	PENGENALAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian/Masalah	1
	1.3 Pernyataan Masalah dan Objektif Kajian	2
	1.4 Definasi Operasional	2
	1.5 Persoalan Kajian	3
	1.6 Andaian dan Limitasi	4
	1.7 Kepentingan Kajian	5
II.	SOROTAN KAJIAN	
	2.3 Pengenalan	5

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
2.2	Kelemahan Institusi Keluarga Dan Masyarakat Menjadi Pemangkin Kepada Penglibatan Pelajar	7
2.3	Kegiatan Budaya Samseng Dan Salah Laku Di Sekolah Sejauhmana Implikasinya dan Reaksi Pihak Sekolah	12
III.	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	17
3.2	Rekabentuk Kajian	17
3.3	Sampel dan Populasi	17
3.4	Instrumentasi Kajian	18
3.5	Prosedur Kajian	19
3.6	Analisis Data	20
IV.	PENGUMPULAN DAN ANALISIS DATA	
4.1	Kronologi Kajian	22
4.2	Penganalisan Data	23
4.2.1	Analisis Data Bagi Sekolah Sampel A	
4.2.1.1	Dapatan Kajian Terhadap Jumlah Kes Tindakan Tatatertib Sekolah A	26
4.2.1.2	Dapatan Kajian Terhadap Klasifikasi Dimensi Salah Laku Dan Tindakan Tatatertib Yang Diambil Oleh Sekolah A	27

4.2.1.3	Dapatan Kajian Bahagian Soal Selidik	
	Bagi Sekolah A	29
4.2.1.3.1	Faktor-faktor Penyumbang Kepada	
	Masalah Budaya Samseng dan Salah Laku	
	Dimensi Demografi	29
	Dimensi Hubungan Keluarga	32
	Dimensi Rakan Sebaya	35
4.2.1.3.2	Keberkesanan Sistem Kawalan	
	Sosial Sedia Ada	41
4.2.1.3.3	Kecenderungan Pandangan	
	Responden Terhadap Jenis Tindakan Yang	
	Dirasakan Berkesan	42
4.2.2	Analisis Data Bagi Sekolah Sampel B	
4.2.2.1	Dapatan Kajian Terhadap Jumlah	
	Kes Tindakan Tatatertib Sekolah B	44
4.2.2.2	Dapatan Kajian Terhadap Klasifikasi	
	Dimensi Salah Laku Dan Tindakan	
	Tatatertib Yang Diambil Oleh Sekolah B	45
4.2.2.3	Dapatan Kajian Bahagian Soal Selidik	
	Bagi Sekolah B	46

4.2.2.3.1	Faktor-faktor Penyumbang Kepada Masalah Budaya Samseng dan Salah Laku	
	Dimensi Demografi	46
	Dimensi Hubungan Keluarga	49
	Dimensi Rakan Sebaya	52
4.2.2.3.2	Keberkesanan Sistem Kawalan Sosial Sedia Ada	59
4.2.2.3.3	Kecenderungan Pandangan Responden Terhadap Jenis Tindakan Yang Dirasakan Berkesan	60
4.2.3	Analisis Data Bagi Sekolah Sampel C	
4.2.3.1	Dapatan Kajian Terhadap Jumlah Kes Tindakan Tatatertib Sekolah C	62
4.2.3.2	Dapatan Kajian Terhadap Klasifikasi Dimensi Salah Laku Dan Tindakan Tatatertib Yang Diambil Oleh SekolahC	63
4.2.3.3	Dapatan Kajian Bahagian Soal Selidik Bagi Sekolah C	64

SENARAI JADUAL

	Tajuk	Muka Surat
Jadual 1	Pecahan Bilangan Kesalahan Disiplin Di Kalangan Pelajar	15
Jadual 2	Rekod Tindakan Tatatertib/Hukuman Sekolah A	27
Jadual 3	Kadar Pendapatan Ibubapa Responden Bagi Sekolah A (n=31)	31
Jadual 4	Bilangan Adik Beradik Responden Bagi Sekolah A (n=31)	31
Jadual 5	Jenis Kawasan Tempat Tinggal Responden Bagi Sekolah A (n=31)	32
Jadual 6	Tahap Pendidikan Tertinggi Ibubapa Responden Bagi Sekolah A (n=31)	33
Jadual 7	Kekerapan Kadar Komunikasi Responden Dengan Ibubapa Bagi Sekolah A (n=31)	33
Jadual 8	Keakraban Hubungan Responden Dengan Adik Beradik Bagi Sekolah A (n=31)	35
Jadual 9	Kecenderungan Responden Untuk Mempunyai Kelompok Rakan Dominan Lebih Ramai Di Sekolah A (n=31)	38
Jadual 10	Kecenderungan Responden Berada Dalam Kelompok Rakan Yang Tidak Bermasalah Disisplin Bagi Sekolah A (n=31)	39
Jadual 11	Kecenderungan Aktiviti Masa Lapang Responden Bagi Sekolah A (n=31)	40

	Tajuk	Muka Surat
Jadual 12	Kecenderungan Aktiviti Responden Bersama Rakan Di Luar Waktu Sekolah Bagi Sekolah A (n=31)	41
Jadual 13	Faktor-faktor Pendorong Responden Dalam Pemilihan Rakan Bagi Sekolah A (n=31)	42
Jadual 14	Pihak Yang Dirujuk Responden Apabila Bermasalah Bagi Sekolah A (n=31)	43
Jadual 15	Pandangan Responden Terhadap Tindakan Pihak Sekolah Bagi Kes-kes Salah Laku Bagi Sekolah A (n=31)	44
Jadual 16	Pandangan Responden Terhadap Jenis Tindakan Yang Dirasakan Berkesan Bagi Sekolah A (n=31)	45
Jadual 17	Rekod Tindakan Tatatertib/Hukuman Sekolah B	46
Jadual 18	Kadar Pendapatan Ibumama Responden Bagi Sekolah B (n=27)	49
Jadual 19	Bilangan Adik Beradik Responden Bagi Sekolah B (n=27)	49
Jadual 20	Jenis Kawasan Tempat Tinggal Responden Bagi Sekolah B (n=27)	50
Jadual 21	Tahap Pendidikan Tertinggi Ibumama Responden Bagi Sekolah B (n=27)	51
Jadual 22	Kekerapan Kadar Komunikasi Responden Dengan Ibumama Bagi Sekolah B (n=27)	51

	Tajuk	Muka Surat
Jadual 23	Keakraban Hubungan Responden Dengan Adik Beradik Bagi Sekolah B (n=27)	53
Jadual 24	Kecenderungan Responden Untuk Mempunyai Kelompok Rakan Dominan Lebih Ramai Di Sekolah B (n=27)	56
Jadual 25	Kecenderungan Responden Berada Dalam Kelompok Rakan Yang Tidak Bermasalah Disiplin Bagi Sekolah B (n=27)	57
Jadual 26	Kecenderungan Aktiviti Masa Lapang Responden Bagi Sekolah B (n=27)	58
Jadual 27	Kecenderungan Aktiviti Responden Bersama Rakan Di Luar Waktu Sekolah Bagi Sekolah B (n=27)	59
Jadual 28	Faktor-faktor Pendorong Responden Dalam Pemilihan Rakan Bagi Sekolah B (n=27)	60
Jadual 29	Pihak Yang Dirujuk Responden Apabila Bermasalah Bagi Sekolah B (n=27)	61
Jadual 30	Pandangan Responden Terhadap Tindakan Pihak Sekolah Bagi Kes-kes Salah Laku Bagi Sekolah B (n=27)	62
Jadual 31	Pandangan Responden Terhadap Jenis Tindakan Yang Dirasakan Berkesan Bagi Sekolah B (n=27)	63
Jadual 32	Rekod Tindakan Tatatertib/Hukuman Sekolah C	64
Jadual 33	Kadar Pendapatan Ibubapa Responden Bagi Sekolah C (n=30)	67

	Tajuk	Muka Surat
Jadual 34	Bilangan Adik Beradik Responden Bagi Sekolah C (n=30)	67
Jadual 35	Jenis Kawasan Tempat Tinggal Responden Bagi Sekolah C (n=30)	68
Jadual 36	Tahap Pendidikan Tertinggi Ibumama Responden Bagi Sekolah C (n=30)	69
Jadual 37	Kekerapan Kadar Komunikasi Responden Dengan Ibumama Bagi Sekolah C (n=30)	70
Jadual 38	Keakraban Hubungan Responden Dengan Adik Beradik Bagi Sekolah C (n=30)	70
Jadual 39	Kecenderungan Responden Untuk Mempunyai Kelompok Rakan Dominan Lebih Ramai Di Sekolah C (n=30)	73
Jadual 40	Kecenderungan Responden Berada Dalam Kelompok Rakan Yang Tidak Bermasalah Disiplin Bagi Sekolah C (n=30)	75
Jadual 41	Kecenderungan Aktiviti Masa Lapang Responden Bagi Sekolah C (n=30)	76
Jadual 42	Kecenderungan Aktiviti Responden Bersama Rakan Di Luar Waktu Sekolah Bagi Sekolah C (n=30)	77
Jadual 43	Faktor-faktor Pendorong Responden Dalam Pemilihan Rakan Bagi Sekolah C (n=30)	77
Jadual 44	Pihak Yang Dirujuk Responden Apabila Bermasalah Bagi Sekolah C (n=30)	78

	Tajuk	Muka Surat
Jadual 45	Pandangan Responden Terhadap Tindakan Pihak Sekolah Bagi Kes-kes Salah Laku Bagi Sekolah C (n=30)	79
Jadual 46	Pandangan Responden Terhadap Jenis Tindakan Yang Dirasakan Berkesan Bagi Sekolah C (n=30)	80
Jadual 47	Jumlah Kes Salah Laku Disiplin Tiga Sekolah Sampel Bagi Tahun 1996, 1997 dan 1998	82
Jadual 48	Pengakuan Penglibatan Responden (Pelajar) Dalam Kes Salah Laku/Disiplin Di Tiga Sekolah Sampel (n=88)	86



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI CARTA

Tajuk	Muka Surat
Carta 1: Pola Pertambahan Kes Salah Laku Disiplin Bagi Sekolah A	28
Carta 2: Kekерapan Kadar Komunikasi Responden Dengan Ibu Bapa Bagi Sekolah A (n=31)	34
Carta 3: Keakraban Hubungan Responden Dengan Adik-Beradik Bagi Sekolah A (n=31)	35
Carta 4: Kecenderungan Responden Memiliki Rakan Dominan Lebih Ramai Di Sekolah: Bagi Sekolah A (n=31)	37
Carta 5: Kecenderungan Responden Memiliki Rakan Yang Tidak Pernah Dikenakan Tindakan Tatatertib Bagi Sekolah A (n=31)	39
Carta 6: Pola Pertambahan Kes Salah Laku Disiplin Bagi Sekolah B (n=27)	46
Carta 7: Kekерapan Kadar Komunikasi Responden Dengan Ibu Bapa Bagi Sekolah B (n=27)	52
Carta 8: Keakraban Hubungan Responden Dengan Adik-Beradik Bagi Sekolah B (n=27)	53
Carta 9: Kecenderungan Responden Memiliki Rakan Dominan Lebih Ramai Di Sekolah: Bagi Sekolah B (n=27)	55
Carta 10: Kecenderungan Responden Memiliki Rakan Yang Tidak Pernah Dikenakan Tindakan Tatatertib Bagi Sekolah B (n=27)	57

Tajuk**Muka Surat**

Carta 11:	Pola Pertambahan Kes Salah Laku Disiplin Bagi Sekolah C (n=30)	64
Carta 12:	Kekerapan Kadar Komunikasi Responden Dengan Ibu Bapa Bagi Sekolah C (n=30)	69
Carta 13:	Keakraban Hubungan Responden Dengan Adik-Beradik Bagi Sekolah C (n=30)	71
Carta 14:	Kecenderungan Responden Memiliki Rakan Dominan Lebih Ramai Di Sekolah: Bagi Sekolah C (n=30)	73
Carta 15:	Kecenderungan Responden Memiliki Rakan Yang Tidak Pernah Dikenakan Tindakan Tatatertib Bagi Sekolah C (n=30)	74
Carta 16:	Pola Pertambahan Kes Salah Laku Disiplin Bagi Keseluruhan Sekolah A, B Dan C Bagi Tahun 1996.1997 Dan 1998	83
Carta 17:	Bilangan Responden Yang Pernah Dikenakan Tindakan Tatatertib/Hukuman (n=88)	87

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Masalah kemerosotan disiplin seperti kegiatan kongsi gelap, budaya samseng, salah laku dan sebagainya semakin berleluasa di kalangan anak muda kita terutama golongan pelajar sehingga ke tahap yang membimbangkan. Menurut Ketua Jabatan Siasatan Johor, Senior Asisten Komisioner II Ali Hanafiah Hashim, pada tahun 1996, 521 pelajar telah ditahan polis kerana terlibat dengan kegiatan jenayah. Daripada jumlah itu 277 kes mencuri kenderaan, 92 kes ragut dalam bangunan, 7 kes samun, 14 kes mencederakan pelajar lain, 55 kes pecah rumah dan satu kes bunuh.

Kesemua kes ini menunjukkan bahawa tahap salah laku pelajar masa kini adalah pada tahap kritikal. Kajian ringkas ini meninjau apakah punca-punca permasalahan ini, apakah wujud kepincangan kaedah atau tindakan pihak sekolah bagi menangani masalah ini dan seterusnya meninjau modus operandi yang dianggap mampu membantu menangani masalah ini.

1.2 LATARBELAKANG MASALAH

Kebelakangan ini masyarakat Malaysia digemparkan dengan kes-kes salah-laku jenayah di kalangan pelajar. Antara kes yang berlaku ialah kematian pelajar akibat serangan samseng sekolah (Pendidikan: Massa 8 Mac 1997, hal 56), terlibat dengan kegiatan kongsi gelap serta penyalahgunaan dadah (Utusan Malaysia 20 Februari 1997). Penglibatan pelajar dalam masalah salah laku jenayah yang pelbagai ini dipengaruhi oleh banyak faktor, yang akan ditela'ahi secara lebih mendalam dalam kajian ini. Salah satu faktor yang banyak dikaitkan dengan masalah salah laku pelajar adalah faktor keluarga (Larry Rawless, 1995). Dalam kajian ini, faktor ini akan disentuh dan diulas. Disamping itu, faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan pelajar untuk terlibat dengan mana-mana perkumpulan juga akan diambil perhatian (Del Stover, 1986).

1.3 PERNYATAAN MASALAH DAN OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan melihat masalah budaya samseng dan salah laku di sekolah. Sejauh mana tindakan dan sistem sedia ada berkesan dalam menangani permasalahan tersebut. Kajian ini bertujuan mencapai objektif berikut:

- (i). Memahami keberkesanan mekanisme kawalan sosial yang sedia ada.
- (ii). Menganalisis secara tentatif keberkesanan mekanisme kawalan sosial di beberapa sekolah sampel.

- (iii). Membuat suatu sintesis tentang model modus operandi yang dirasakan mampu mempertingkatkan keberkesanan mekanisme kawalan sosial yang sedia ada.

1.4 DEFINASI OPERASIONAL

Budaya samseng atau gangsterism adalah istilah bagi menunjukkan sebarang kegiatan jenayah atau salah laku yang dilakukan oleh ahli atau kumpulan tertentu. Menurut Wan Marzuki (1998), samseng sekolah merupakan individu atau kumpulan pelajar yang melakukan aktiviti jenayah seperti bergaduh, membuli, mengancam, mencuri, memeras ugut, meminta wang perlindungan (*pau*), ponteng sekolah dan menagih dan mengedar dadah. Salah laku pula adalah sebarang kegiatan pelajar yang bercanggah dengan undang-undang dan peraturan sekolah dan awam (Asmah, 1989). Kajian akan tertumpu kepada mengumpul maklumat tentang masalah salah laku berdasarkan tindakan tatatertib yang di ambil di sekolah sampel. Bentuk atau corak salah laku yang dilihat adalah berdasarkan jenis-jenis hukuman dan tindakan tatatertib yang akan ditakrifkan secara operasional sebagai tindakan tatatertib atau hukuman:

- (i). Berat
- (ii). Sederhana dan,
- (iii). Ringan

Beberapa buah sekolah di dua daerah dalam negeri Johor akan dipilih dan melibatkan sampel (pelajar) sekolah berkenaan.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Peningkatan kes budaya samseng dan salah laku di sekolah semakin ketara, sekalipun pelbagai usaha telah dilakukan bagi menanganinya seperti program PINTAS (Jabatan Pendidikan Johor). Misalnya jumlah tangkapan bagi kes jenayah yang melibatkan pelajar telah meningkat dari 4192 kes pada tahun 1995 kepada 4601 kes pada tahun 1996 (Massa, 8 Mac 1997). Keadaan ini menimbulkan satu persoalan pokok iaitu:

Sejauhmanakah keberkesanan mekanisme pengawalan sosial sedia ada di sekolah mampu mengatasi atau sekurang-kurangnya mengawal permasalahan tersebut. Dalam menghalusi persoalan tersebut, kajian ini melihat pula persoalan-persoalan berikut:

1. Mengapakah masalah budaya samseng dan salah laku ini terus bercambah
2. Apakah sebenarnya faktor-faktor penyumbang kepada masalah tersebut
3. Sejauhmanakah penghayatan pihak sekolah dalam melaksanakan mekanisme kawalan sosial sedia ada selaras dengan garis panduan serta undang-undang yang diperuntukkan.
4. Adakah wujud kepincangan dalam sistem kawalan sosial sedia ada, sekiranya ada, apakah kesannya terhadap kemampuan sistem tersebut bagi menangani permasalahan ini.
5. Apakah langkah perubahan atau penambahan yang perlu dilaksanakan terhadap sistem yang diamalkan sekiranya terbukti wujud kepincangan dalam sistem sedia ada.

Dengan terjawabnya kelima-lima persoalan di atas, adalah diharapkan ianya memandu pengkaji menjawab persoalan pokok kajian ini.

1.6 ANDAIAN DAN LIMITASI

Melalui kajian yang dijalankan, kebanyakan pelajar yang terlibat dalam kegiatan salah laku cenderung kepada aktiviti budaya samseng. Walaupun ada tindakan yang diambil, tetapi natijahnya tidak menampakkan kesan yang positif. Keberkesanan tindakan bagi mengatasi budaya samseng dan salah laku sukar, kerana ia memerlukan tindakan yang bersepadu dan melibatkan semua pihak. Kajian akan menumpukan kepada pengaruh-pengaruh yang terlibat di dalam perancangan, pembinaan dan pelaksanaan sistem kawalan sosial sekolah sedia ada, khususnya pihak pelajar, ibubapa, sekolah dan pihak berkuasa seperti Polis, Jabatan Pendidikan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian akan membantu para guru dan pentadbir sekolah untuk lebih memahami sistem pelaksanaan tata tertib Kementerian Pendidikan Malaysia. Selain daripada itu kajian ini dapat membantu pihak yang terlibat untuk mengetahui sejauhmana tahap penghayatan pihak sekolah terhadap garis panduan tindakan tata tertib yang diperuntukkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Hasil kajian ini akan dapat menggalakkan kajian seterusnya dalam menangani permasalahan yang sama. Ia juga dapat menjana idea dalam membentuk cadangan-cadangan bagi memperbaiki sistem sedia ada dan seterusnya membentuk suatu model baru yang lebih komprehensif.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB II

SOROTAN PENULISAN

2.1 PENGENALAN

Penglibatan pelajar sekolah dengan aktiviti-aktiviti samseng dan perkumpulan kongsi gelap adalah pada tahap yang membimbangkan. Pelajar sekolah sekalipun pada usia yang masih muda telah mula melibatkan diri pada aktiviti jenayah seperti peras ugut, samun, pecah rumah sehinggalah kepada membunuh. Menurut perangkaan pihak polis, di Negeri Johor sahaja terdapat 560 orang pelajar sekolah menengah yang dipercayai terlibat dengan kegiatan kongsi gelap (Utusan Malaysia, 19 Februari 1997). Keadaan ini pastinya menjejaskan imej sekolah sebagai institusi sosial masyarakat yang berperanan untuk mendidik pelajar ke arah berdikari, berinteraksi dan bekerjasama serta menghayati nilai-nilai yang diterima oleh masyarakat sekitar. Oleh itu, pihak sekolah sewajarnya bekerjasama dengan pihak-pihak lain yang terlibat dalam usaha menangani permasalahan ini.

"Administrators must believe that nothing is more important than providing a safe school for students and staff members, and be willing to do whatever is necessary to prevent or reduce the negative effects of gang activity on campus (Lal,1993).

Namun, meletakkan kesalahan kepada remaja atau pelajar sahaja dalam hal ini adalah tidak adil. Kelemahan ibubapa dan masyarakat juga turut menjadi salah

BIBLIOGRAFI

1998, Carbondale School, <http://www.carbondale.com/schools/rfhs/index.htm>,
27/9/98.

Abdal Haqq Bewley (Ogos, 1988), *The Role of Islamic Education In The Modern Age*, Jurnal Pendidikan Islam Jilid I: ABIM

Ahmad Fauzi Mustafa; Ismail Mat . Berita Harian: Kongsy Gelap, Dadah: 44 Pelajar Ditahan. 19 Februari 1997.

Amla Mohd. Salleh (1995). "*Teknik Bimbingan Dan Kaunseling Dalam Bilik Darjah: Satu Pendekatan Pengajaran Menuju Pertumbuhan Total Pelajar*".
Dalam Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Abad Ke 21 di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 7-9 November 1995.

Berita Harian: Ramai Pengetua Sembunyi Jenayah Di Sekolah. 3 Februari 1997.

Dr. Abdul Halim El – Muhammady (Disember, 1986). *Peranan Guru Dalam Pendidikan Islam*. Jurnal Pendidikan Islam Jilid I: ABIM

Ee Ah Meng (1997). Pedagogi I; Kurikulum Dan Pengurusan Bilik Darjah (Semester II). Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Fatimah Musa, Status Guru: Antara Tugas Dan Dilema, Tamadun, Julai 1996.

Fatimah Musa, Status Guru: Antara Tugas Dan Dilema, Tamadun, Ogos 1996.

Gaustad, J (1991), Schools Respond To Gangs And Violence, Eugene, OR: Oregon school study council, Sumber: <http://eric-eb.tc.columbia.edu/digests/dig99.html>

Ghazali Bin Basri (Disember, 1987), *Peranan Pendidik Dalam Pembentukan Ummah*, Jurnal Pendidikan Islam Jilid I: ABIM

Nursalwati Ali (1997). Massa: Membanteras Samseng Kecil. Ruangan Pendidikan.

20 September 1997, ms 50-51

Page. A, (1971). Economic and Education. New York: Aldine Publishing Co.

Pines, Maya, (1966). Revolution In Learning, (terj). Pendidikan Pra Sekolah Islam,

Jurnal Pendidikan Islam Jilid I: ABIM

Prof. Dr. Mohd Kamal Bin Hassan (April, 1988). Peranan Akhlak Dalam

Pendidikan. Jurnal Pendidikan Islam Jilid I: ABIM

Rohaty Mohd Majzub Dan T. Subahan Mohd Meerah (1993). Jurnal Pendidikan:

Satu Tinjauan Sahsiah Dan Tingkahlaku Pendidik Yang Berkaitan Dengan

Pembelajaran. Universiti Kebangsaan Malaysia. (1123-136)

Rosnani bin Hashim (Ogos, 1988). Pendidikan Pra Sekolah Islam. Jurnal Pendidikan

Islam Jilid I: ABIM

Rossmann, S; Morley, E. (1996). Education and Urban Society, di dalam School

Safety: What's Being Done and Where Is It Going?, Penulis:Black, E;

DeBerjois, J; Lane, P, University of North Carolina, Sumber:

<http://www.unc.edu/home/afhood/paper.html>

Samsor Junet. Utusan Malaysia: 560 Pelajar Di Johor Terlibat Dengan Kongsi

Gelap. 19 Februari 1997.

Sautter, (1995). "Standing up to violence". Di dalam "School Safety: What's being

done and where is it going?", Penulis:Black,E; Deberjois, J; Hood, A; Lane,

P, William Gladden Foundation,

<http://www.unc.edu/home/afhood/paper.html>.

Stover, Del (1986). A New Breed of Youth Gang Is on the Prowl and a Bigger Threat

Than Ever. American School Board Journal 173 di dalam Gangs. Gaustad, J,

ERIC Digest, ERIC Clearinghouse.

Sumber:<http://www.upsd.wed.net.edu/UPSD/CHS/ganghand.html>

Tajul Ariffin Noordin (1990). *Pendidikan: Suatu Pemikiran Semula*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Taylor, (1990) . *Dangerous Society*. East Lansing, MI: Michigan State University Press. Di dalam *Research Review: Gang Violence And prevention*, Penulis: H. Lees, M; Deen, M; Parker, L, Washington State University Cooperative Extension Research Reviews, <http://coopext.cahe.wsu.edu/~sherfey/issue4c.htm>.

Taylor, C.S (1988), *Youth Gangs Organize Quest For Power, Money*. National School Safety Center News Journal. Malibu, CA: Pepperdine University Press. di dalam *Developing A Gang Prevention Program*, Sumber:http://eric-web.tc.columbia.edu/monographs/uds107_prevention.html

Trump (1993), Trump, K. S. (1993). *Youth gangs and schools*. Cleveland: Urban Child Research Center, di dalam *Gangs in School*. Penulis:Burnett, G; Walz, G, ERIC Clearinghouse, Sumber: <http://eric-eb.tc.columbia.edu/digests/dig99.html>

Walker, M; Schmidt, L; Lunghofer, L (1993). *Youth Gangs*. di dalam *Research Review: Gang Violence And prevention*. Penulis: H. Lees, M; Deen, M; Parker, L, Washington State University Cooperative Extension Research Reviews, Sumber: <http://coopext.cahe.wsu.edu/~sherfey/issue4c.htm>.

Wan Azmi Ramli (1993). *Dasar Sosial Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Golden Centre Sdn. Bhd.